

BULETIN WOW

IPGKTAR

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN ABDUL RAZAK



EDISI
2016

THE VOICE OF
IPGKTAR

THE CIRCLE OF
SPORTS

EKSA
DI HATI KU

NURTURE THROUGH NATURE
**LEARNING
GARDEN**

**DIRECTOR IN
ACTION**

PENARAFAN



KATA ALU-ALUAN PENGARAH IPGKTAR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1 Malaysia.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan Buletin WOW IPGKTAR kerana berjaya menerbitkan Buletin pada tahun ini.

Institut Pendidikan Guru merupakan institusi pengajian tinggi yang melahirkan guru berijazah yang turut memberi penekanan pada keseimbangan pencapaian akademik, kokurikulum, sukan dan kepimpinan. Banyak maklumat boleh dikongsi dan disebarluaskan menerusi Buletin WOW IPGKTAR ini. Usaha menerbitkan Buletin WOW IPGKTAR ini merupakan satu langkah yang baik kerana melalui penerbitan ini pelbagai maklumat berkaitan institut dapat direkodkan dan menjadi rujukan pada masa akan datang.

Perubahan dan penambahbaikan dalam dasar pendidikan negara seperti pentaksiran berasaskan sekolah (PBS), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan sarana sekolah yang menjadi inti pati pelaksanaan Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 menuntut warga pendidikan berfikir di luar kotak, serta mengaplikasikan strategi lautan biru supaya terus berdaya saing dan dihormati. IPGKTAR telah mengorak langkah menerusi 11 wow faktor yang menjadi pemangkin kecemerlangan IPGKTAR. Antara wow faktor yang menjadikan IPGKTAR bertaraf 6 bintang ialah “The Voice of IPGKTAR”, “The Circle of Sports”, “Eksa di Hatiku”, “Pusat Interaktif Sains dan Etnobotani”, “Skuad Mesra”, “Hari Inovasi”, “Pusat Kecemerlangan Berfikir”, “Pusat Islam”, “Karnival IPGKTARKU Gemilang”, “Nurture Through Nature, Learning Garden”, dan “Pengukuhan Pasukan IPGKTAR”.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga IPGKTAR kerana berjaya menjadikan IPGKTAR sebuah institusi pendidikan yang terserlah di Malaysia. Mudah-mudahan sumbangan ikhlas para pensyarah, pegawai pengurusan, staf sokongan dan siswa pendidik untuk terus menjulang IPGKTAR ke arah yang lebih cemerlang di persada antarabangsa.

Akhir kata, semoga semua warga IPGKTAR lebih komited, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menjayakan visi dan misi institut agar IPGKTAR ku sayangi terus mencapainya kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

(HAMSAH BT. ABDULLAH MASNI)
Pengarah
IPG Kampus Tun Abdul Razak
Kota Samarahan, Sarawak

Jawatankuasa Penerbitan Buletin 2016

Dr Radna Wismawati Muhibah bt Yahya Sawek
Ketua Editor

Ong Yow Kiong
Abas Bin Mohamad
Taufiq Asma'i Bin Ahmad Mansur
Jurufoto

Taufiq Asma'i Bin Ahmad Mansur
Ketua Jurureka Grafik

Ismail Taril
Azrian Ali
Mohd Nur Furqan Bin Abdullah
Jurureka Grafik

THE VOICE OF IPGKTAR

Orkestra IPGKTAR merupakan satu usaha IPGKTAR untuk mengangkat bidang kesenian muzik tanahair ke persada dunia. Dalam usaha itu sebuah Orkestra telah ditubuhkan.



Orkestra IPGKTAR

Pada tahun 2014, Orkestra IPGKTAR telah mengadakan persembahan muzikal “Manifestasi Wirawan Kenyalang” khususnya kepada YPD Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud untuk menghargai jasa dan pengorbanan beliau dalam membangunkan negeri Sarawak.

Pada tahun 2015, Orkestra IPGKTAR telah mengadakan persembahan bersama pelajar Universitas Tanjungpura, Pontianak, Indonesia.

Pada tahun 2016, Orkestra IPGKTAR telah

mengadakan persembahan muzik etnik Sabah dan Sarawak dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Malaysia dan pihak Kedutaan Malaysia di Paris.

Pada tahun 2016, Orkestra IPGKTAR telah mengadakan persembahan muzik etnik Sabah dan Sarawak dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Malaysia dan pihak Kedutaan Malaysia di Paris.





THE CIRCLE OF SPORT

Sebagai salah sebuah IPG Kebitraan Sukan, IPGKTAR sentiasa berusaha menjalinkan kerjasama dan perjanjian MOU dengan agensi dan pusat pengajian tinggi berkaitan dengan bidang sains sukan. Di antara agensi dan pusat pengajian tinggi yang telah menjalin kerjasama dan menandatangani perjanjian MOU dengan IPGKTAR ialah University Malaya, University Sains Malaysia, University Teknologi Mara, Institut Sukan Negara (ISN) dan Sarawak Sport Corporation (SSC).



Jalinan kerjasama ini telah meningkat imej IPGKTAR sebagai IPG Kebitraan Sukan. Atas landasan kerjasama ini, IPGKTAR telah berjaya menganjurkan beberapa Seminar Antarabangsa seperti Sukma International Sports Science and 2nd Malaysian Sports Psychology Conference (2016) dan 3rd East Malaysian Sports Science Symposium (2017) yang telah memberikan manfaat kepada pegawai, jurulatih dan guru-guru dalam bidang sains sukan di negeri Sarawak. Pada tahun 2018, IPGKTAR sekali lagi akan menganjur seminar antarabangsa, 5th Internasional Seminar on Sports and Exercise Phychology 2018 bertempat di Hotel Grand Margherita Kuching pada 5-7 Februari 2018.



EKSA DI HATI KU

IPGKTAR merupakan satu-satunya daripada 27 IPG kampus di Malaysia yang telah diiktiraf pensijilan EKSA oleh MAMPU pada 14 Februari 2016. Ia juga merupakan salah satu daripada 14 agensi persekutuan di Sarawak yang telah mendapat sijil EKSA yang menyumbang kepada 9% agensi persekutuan yang telah mendapat sijil EKSA pada tahun 2017.



Amalan EKSA telah memberi impak tinggi kepada IPGKTAR:

1. Penjimatan penggunaan utiliti tenaga elektrik dan air:
 - Penggunaan utiliti air telah menurun sebanyak 38.09% pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015.
 - Penggunaan utiliti api telah menurun sebanyak 17.35% pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015.

Ini adalah kesan daripada Program Go Green iaitu penggunaan label/poster penjimatan penggunaan tenaga, pelan lampu/suis, signage penjimatan penggunaan air, program "1 jam tanpa cahaya", menutup lampu/penghawa dingin setengah jam sebelum balik

2. Penilaian keberkesanan program EKSA dari aspek produktiviti, kualiti, sistem penyampaian, keselamatan, moral dan kos yang melibatkan 226 responden pelajar dan 78 responden pensyarah/staf IPGKTAR menunjukkan purata nilai min 3.0 ke atas iaitu pada tahap bersetuju dan sangat bersetuju untuk semua aspek yang dinilai.

Untuk pensyarah & staf, purata nilai min tertinggi ialah 3.65 (produktiviti) diikuti oleh 3.62 untuk moral. Ini menunjukkan amalan EKSA telah dapat meningkatkan semangat untuk bekerja dan dari aspek moral, ia menggalakkan warga IPGKTAR bertanggungjawab terhadap aspek kebersihan, kekemasan dan keselamatan di tempat kerja dan memupuk semangat kerjasama antara rakan-rakan sepejabat.

Dalam kalangan pelajar pula, majoriti responden bersetuju bahawa amalan EKSA telah berkesan merubah mereka dari segi moral (purata nilai min = 3.53) dan juga dari aspek sistem penyampaian di IPGKTAR (purata nilai min = 3.52).

Semua responden bersetuju bahawa tahap kesihatan seseorang pekerja akan lebih baik sekiranya bekerja di persekitaran yang bersih dan kondusif (aspek kualiti) [BOLEH RUJUK LAPORAN PENUH PADA DOKUMEN DISEDIAKAN]

3. IPGKTAR telah menerima banyak lawatan tanda aras oleh agensi luar. Setakat tahun 2017, IPGKTAR telah menerima lawatan 6 agensi luar (2 lagi akan menyusul) di samping jemputan untuk perkongsian di luar sama ada dalam bentuk ceramah dan konsultasi (pemberian maklumat EKSA). Malahan, kini IPGM dan IPGK lain telah mula mengorak langkah mengikuti jejak IPGKTAR dan menjadikan IPGKTAR sebagai tandas aras.




EKSA
EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM
IMEJ KORPORAT
BUDAYA KECEMERLANGAN
IPGKTAR

EKSA
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM
"EKSA DIHATI"

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN ABDUL RAZAK

PUSAT INTERAKTIF SAINS & ETNOBOTANI

Pembinaan Taman Etnobotani bertujuan untuk memelihara warisan ubat-ubatan. Dengan itu ia dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman pelajar dan masyarakat setempat tentang tanaman-tanaman herba serta khasiat dan kegunaannya kepada masyarakat.



Penubuhan Pusat Interaktif Sains pula telah memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran dalam pengajaran sains melalui aktiviti interaktif dan penerokaan sains yang lebih menyeronokkan.



SKUAD MESRA

Pembinaan Taman Etnobotani bertujuan untuk memelihara warisan ubat-ubatan. Dengan itu ia dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman pelajar dan masyarakat setempat tentang tanaman-tanaman herba serta khasiat dan kegunaannya kepada masyarakat.



Skuad MESRA IPGKTAR mula ditubuh pada bulan Jun 2013 dan penubuhannya telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Profesional, Pengurusan dan Pentadbiran (MPPP) IPGKTAR. Ilham penubuhan skuad ini adalah atas dasar inginkan IPGKTAR sentiasa berada dalam keadaan ceria, bersih, kondusif dan selesa untuk warganya bekerja. Sebagai sebuah Institusi bertaraf pengajian tinggi, IPGKTAR perlu berusaha untuk mengekalkan imejnya sebagai sebuah institusi yang melatih bakal-bakal guru agar setanding dengan IPTA yang lain.

Kekurangan peruntukan kewangan yang disalurkan saban tahun kepada IPGKTAR juga merupakan kekangan yang sangat besar dalam usaha untuk melestarikan suasana yang ceria dan kondusif. Bangunan dan kemudahan perlu diselenggara agar ia dapat berfungsi dan boleh diguna terutamanya dalam mendokong melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran baik di dalam mahupun di luar bilik kuliah. Kesemua usaha ini bukan sahaja memerlukan tenaga malah ianya juga memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Menyedari hakikat bahawa peruntukan kewangan yang terhad dan kos yang besar jika kerja-kerja penyelenggaraan dan juga pembaikan dijalankan oleh kontraktor luar (secara out source), telah mendatangkan keinsafan bahawa kita perlu menyediakan kepakaran dalaman bagi menangani permasalahan yang berkaitan dengan kemudahan serta maintenance di IPGKTAR.

Sumber manusia yang ramai dan memiliki kepakaran yang pelbagai juga telah mendorong ke arah penubuhan skuad MESRA. Di IPGKTAR, tenaga dan kepakaran staf sokongan tidak diguna secara optimum. Kepakaran yang telah dikenalpasti antaranya mahir menjalankan kerja-kerja pertukangan (kayu), ada yang mahir dalam kerja-kerja menyimen, ada pula berkebolehan dalam kerja kimpalan, paip, pendawaian, memasang jubin, simen fero, berkebun, lanskap dan bermacam-macam lagi. Jika setiap tenaga dan kepakaran ini digabungkan kemudiannya dimanfaatkan sudah pasti ia akan mendatangkan keuntungan atau faedah kepada IPGKTAR.

Usaha untuk menjadikan skuad MESRA ini berhasil setelah beberapa perbincangan telah dilakukan diperingkat pengurusan IPGKTAR yang diketuai oleh saudara KUKP. Mesyuarat bersama semua staf sokongan IPGKTAR yang dipengerusikan oleh saudara KUKP juga telah diadakan bagi menyatakan hasrat penubuhan skuad ini. Pada peringkat permulaan beberapa orang staf sokongan telah dipanggil untuk menghasilkan beberapa projek secara kecil-kecilan antaranya ialah menjalankan kerja keceriaan, pembaikan dan penyelenggaraan di bilik kuliah dan asrama pelajar. Hasil kerja yang mereka lakukan setanding dengan kerja yang dilakukan oleh kontraktor luar malah ada antara projek dapat dilakukan dengan jauh lebih baik dan berkualiti dan jauh lebih murah. Amalan ini jika diteruskan sudah pasti ia akan mendatangkan banyak manfaat serta menjimatkan kos.


Setelah yakin dengan kualiti kerja yang ditunjukkan maka, perancangan seterusnya telah dirangka agar skuad MESRA terus berkhidmat dan mampu menonjolkan identiti yang tersendiri di IPGKTAR dan terus mendapat kepercayaan semua pihak baik dalam kalangan pensyarah, mahupun pihak pengurusan tertinggi. Promosi dalaman telah dilakukan bagi memperkenalkan skuad MESRA kepada warga IPGKTAR dan akhirnya beberapa permohonan daripada jabatan dan unit di peringkat IPGKTAR telah diterima untuk memohon khidmat kepakaran skuad MESRA dalam melakukan kerja keceriaan, pembaikan dan penyelenggaraan.

Bagi memantapkan lagi pengurusan skuad MESRA, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan mulai Januari 2015. Beberapa skuad dan jawatankuasa baharu telah ditubuhkan antaranya adalah skuad K.I.T.A. skuad CERIA, skuad B.M.W dan ahli bagi setiap skuad adalah berasaskan kepakaran, kemahiran dan kebolehan masing-masing. Dalam buku jawatankuasa IPGKTAR 2015, kesemua skuad dan jawatankuasa bernaung dibawah payung JK Lanskap dan Keceriaan IPGKTAR. Berikut adalah senarai ahli (staf sokongan dan pensyarah) yang menjadi ahli dalam skuad dan juga jawatankuasa tersebut:



HARI INOVASI

Hari Inovasi merupakan satu usaha IPGKTAR menggalakkan pensyarah dan guru pelatih melibatkan diri dalam inovasi. Dalam usaha ini, 2 piala pusingan telah diwujudkan iaitu Piala Pusingan Hamsiah untuk Kategori Pensyarah dan Piala Pusingan Rijeng untuk Kategori Pelajar.



Hasilnya, beberapa orang pelajar dan pensyarah telah berjaya mendapat tempat dalam pelbagai pertandingan seperti Pertandingan Blue Ocean Strategy dan pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Di antara kejayaan IPGKTAR ialah :-

2 Bintang dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kelolaan Kerajaan Negeri Sarawak

3 Bintang dalam Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2016 kelolaan Perbadanan Produktiviti Malaysia

Anugerah Perak dalam Pertandingan Projek Terbaik Blue Ocean Strategy – Kelolaan IPGM


Anugerah Emas dalam Konvensyen Team Excellence Wilayah Sarawak & Sabah kelolaan Perbadanan Produktiviti Malaysia

Anugerah Johan dalam Pertandingan Cabaran Inovasi Inklusif 2016 kelolaan Yayasan Inovasi Malaysia.



PUSAT KECEMERLANGAN BERFIKIR

Sebagai Pusat Kecemerlangan Berfikir, IPGKTAR telah berusaha meningkatkan kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan guru dan murid-murid di sekolah. Dalam usaha tersebut, IPGKTAR telah mengambil 2 buah sekolah angkat sebagai sekolah Nukleus KBAT iaitu SK Mata Parang dan SK Kampung Baru.



Pelbagai program telah dirancang untuk melaksanakan inisiatif KBAT di sekolah tersebut. Di antaranya ialah :-

Kursus Pengenalan kepada KBAT dalam Pdp dalam kalangan guru.

Kursus Aplikasi KBAT dalam Modul Kem Anak Soleh Bersama Jurulatih Muda i-Think IPGKTAR

Kursus Aplikasi KBAT dalam Matematik Tahun 6 (UPSR).

Selain itu, beberapa program juga dirancang oleh Pusat kecemerlangan Berfikir IPGKTAR bersama agensi luar iaitu:-

Program Kecemerlangan Matematik Sekolah Rendah, kerjasama dengan UiTM dan Majlis Guru Besar Daerah Samarahan di daerah Samarahan

Kursus Aplikasi KBAT dalam PDP berasaskan Nurture Through Nature, kerjasama dengan PPD Marudi dan SK Batu Bungan.

Bengkel Aplikasi Peta Pemikiran di SK Plaman Baki/Manual.

Bengkel Transformasi Guru Matematik Abad ke-21 di bawah Program Transformasi Daerah (DTP) Daerah Samarahan, kerjasama dengan PPD Daerah Samarahan kepada guru-guru sekolah menengah dan sekolah rendah di kota Samarahan

Bengkel KBAT Literasi Maklumat, kerjasama dengan BTP dan Yayasan Sarawak untuk penyebaran KBAT Literasi Maklumat kepada guru-guru sekolah

menengah dan sekolah rendah Bahagian Kapit. Bengkel Pedagogi Abad 21 dan aktiviti KBAT, kerjasama dengan SMK Kpg Nangka di bawah Program Sekolah Transformasi untuk menyebarkan KBAT dalam PAK-21.

Pada tahun 2016, jumlah guru dan murid yang telah dilatih di bawah Pusat kecemerlangan KBAT ialah 600 orang.



PUSAT ISLAM

Pusat Islam IPGKTAR memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai keagamaan, Ketaqwaan dan Keimanan dalam kalangan pensyarah, siswa pendidik dan komuniti.



Di bawah Pusat Islam, pelbagai seminar, forum dan ceramah keagamaan telah diadakan. Di antaranya ialah :-

Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam (ICIED 2016) pada 5 Oktober 2016

Program Semarak Rohani Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Sarawak yang turut dihadiri oleh Pengarah JPN Sarawak dan guru-guru bahagian Samarahan. Ceramah disampaikan oleh Prof. Muhd. Kamil bin Ibrahim

Ceramah khas bersama Ust Don Daniyal sempena Program Sambutan Maal Hijrah 1438 H.

Program Ceramah Isra Mikraj bertajuk "Ibrah Peristiwa Isra Mikraj Dari Kaca Mata Seorang Pendidik".

Kem Anak Soleh telah diadakan di SK Mata Parang pada 25-26 Mac 2016 disertai oleh 60 orang murid Muslim sekolah rendah bahagian Samarahan.

Program Ceramah Bersama Tokoh dengan tetamu jemputan khas seperti Dr. Mohd. Izhar Ariff, Pensyarah Kanan Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dr. Mohd. Juanda Hj. Jaya, Mantan Mufti Kerajaan Perlis.



KARNIVAL IPGKTARKU GEMILANG

Karnival IPGKTARkuGemilang merupakan usaha IPGKTAR mendekati komuniti setempat (Memasyarakatkan IPGKTAR) dengan mengadakan "Hari Terbuka" untuk pihak sekolah, institusi dan organisasi luar dan masyarakat setempat untuk mengenali dan melibatkan diri dalam program IPGKTAR. Di antara program dan aktiviti yang diadakan ialah jualan, pameran, khidmat kesihatan, khidmat perbankan, pertandingan (didik hibur teknik bercerita kamishibai), pertandingan kuiz sains dan matematik, pertandingan Nasyyid dan color run.



NURTURE THROUGH NATURE - LEARNING GARDEN



Konsep dan idea Taman Pembelajaran (Learning Garden) telah dicetus pada tahun 2009 dengan pembangunan satu kawasan lapang di sekitar Pusat Prasekolah Mutiara IPGKTAR. Taman Pembelajaran (Learning Garden) dibina berasaskan model pembelajaran di luar bilik darjah (Learning Outside the Classroom - LOtC) untuk Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Taman ini telah dibuka dengan rasminya oleh Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga, Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, ketika beliau hadir pada majlis Konvokesyen Kanak Kanak Prasekolah di kampus IPGKTAR pada tahun 2016.



Taman ini mengandungi pelbagai stesen pembelajaran seperti anjung muzik, zoo mini, music garden, taman kitaran rama-rama dan taman herba yang membolehkan murid berinteraksi dengan persekitaran semula jadi. Semua stesen pembelajaran yang diwujudkan selari dan sesuai untuk pelaksanaan semua tunjang dalam kurikulum prasekolah (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan).



Taman pembelajaran berkenaan telah menjadi tumpuan lawatan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Tarikan utama Taman Pembelajaran ialah pendekatan 'nurture through nature' yang memanfaatkan segala sumber dan persekitaran semula jadi dalam aktiviti pembelajaran dan pemudah cara. (PdPc).

Konsep dan model Pembelajaran di Luar Bilik Darjah memberi nilai tambah kepada graduan Pendidikan Awal Kanak-Kanak keluaran IPGKTAR apabila berkhidmat di sekolah nanti.



PENGUKUHAN PASUKAN IPGKTAR

Dalam usaha memastikan dan mengekalkan kecemerlangan organisasi, kursus pengukuhan pasukan IPGKTAR merupakan medan terbaik untuk kakitangan saling mengenali antara satu sama lain, menguatkan kerjasama berpasukan dan meningkatkan budaya kerja berkualiti, berhemah tinggi dan berorientasikan misi dan visi yang telah direncanakan. Kursus ini telah dilaksanakan setiap tahun semenjak 2013 lagi.



PENCAPAIAN 2016

Kejayaan cemerlang yang dicapai oleh IPGKTAR setakat ini adalah hasil kepimpinan yang menekankan kepada “inspirational leadership” yang memberi motivasi, galakan, dan ‘empowerment’ kepada semua staf. Juga penekanan kepada “transformation, personal growth, enabling environment, trusting relationship, commitment, community building and nurturing the spirit” (Green Leaf, 1977) dan mengamalkan konsep “high speed-high impact organization”.

Kesemua program yang dilaksanakan telah menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan IPGKTAR sebagai institusi bertaraf 6 bintang dalam Penilaian Penarafan IPG.



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KAMPUS TUN ABDUL RAZAK, KOTA SAMARAHAN**

telah menerima anugerah

EMAS

bersempena

**KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE
WILAYAH SARAWAK & SARAH 2016**



DIRECTOR IN ACTION 2016





Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300, Kota Samarahan, Sarawak | Tel: 082-673800 Faks: 082-672984

BULETIN
WOW
IPGKTAR